

8630

MAHATHIR - NEGARA MEMBANGUN
DARI REJAL ARBEE

1982

APIA, SAMOA BARAT, 7 JUN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DI SINI MALAM INI NEGARA-NEGARA MEMBANGUN HENDAKLAH BEKERJASAMA SEKIRANYA MAHU MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT MASING-MASING.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN OLEH PERDANA MENTERI SAMOA BARAT VAAI KALONE DI HOTEL TUSITALA DI SINI BELIAU BERKATA + KITA TERLALU SANGAT BERGANTUNG KEPADA NEGARA-NEGARA MAJU UNTUK MENDAPATKAN BANTUAN SEHINGGA KITA TERLUPAKAN KEUPAYAAN SENDIRI+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA + SEKIRANYA KITA BEKERJASAMA MAKA HARTA YANG DAPAT DIHIMPUNKAN TENTULAH BANYAK DAN INI BARULAH KITA BOLEH MEMBANTU DIRI SENDIRI DENGAN CARA YANG BERKESAN+.

BELIAU PERCAYA SEKIRANYA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN SEPERTI MALAYSIA DAN SAMOA BARAT BEKERJASAMA, MASING-MASING DAPAT MEMPEROLEHI KESTABILAN EKONOMI YANG LEBIH BAIK DAN DAPAT MENYUARAKAN HAL EHMAL DUNIA DENGAN LEBIH BERKESAN TERUTAMA PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGAN NEGARA MASING-MASING.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA ITULAH SEBABNYA MALAYSIA TELAH MENGUTARAKAN SATU +KERJASAMA TEKNIKAL BERANTAU+ BAGI MEMBANTU NEGARA-NEGARA RANTAU INI. -- BERSAMBUNG 1946/MK

8631

MAHATHIR - NEGARA MEMBANGUN 2 APIA, SAMOA BARAT

+SAYA YAKIN BANYAK BIDANG KERJASAMA YANG BOLEH DITEROKA DAN SALING BANTU MEMBANTU DALAM BIDANG YANG MEMERLUKAN KEPAKARAN DAN PENGALAMAN.+

+NEGARA-NEGARA MEMBANGUN MESTILAH SALING MEMBANTU DAN BERUBAHA UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF SOSIO EKONOMI UNTUK KEPENTINGAN PEMBANGUNAN MASING-MASING+, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

MENYENTUH SOAL HUBUNGAN DI ANTARA MALAYSIA DENGAN SAMOA BARAT, PERDANA MENTERI BERKATA KEDUA-DUA NEGARA ITU SEKIAN LAMA TERPIBAH SEDANGKAN MALAYSIA DAN SAMOA BARAT TERLETAK DI RANTAU YANG GAMA.

MALAYSIA DAN SAMOA BARAT BANYAK PERSAMAANNYA DALAM HUBUNGAN KEBUDAYAAN, SEJARAH DAN TRADISI DAN BELIAU BERHARAP HUBUNGAN ITU AKAN BERTAMBAH ERAT LAGI DAN BEKERJASAMA LEBIH RAPAT KE ARAH MENCAPAI MASA DEPAN YANG LEBIH BAIK DI RANTAU ASIA PASIFIK.

DALAM UCAPANNYA, VAAI KALONE BERKATA NEGARA-NEGARA PASIFIK SELATAN SUNGguh BERAZAM UNTUK MENJALIN PERTALIAN DENGAN NEGARA-NEGARA JIRAN YANG BEDANG MEMBANGUN DAN MENGEKAL SERTA MEMUPUK DAILOG YANG TELAH WUJUD DI ANTARA ASEAN DAN FORUM PASIFIK SELATAN. --- BERSAMBUNG 1950/MK

8632

MAHATHIR - NEGARA MEMBANGUN 3 APIA, SAMOA BARAT

BELIAU BERKATA DAILOG DI ANTARA ASEAN DAN FORUM PASIFIK SELATAN BUKAN SAHAJA AKAN MEMUPUK PERSEFAHAMAN, MALAHAN IA BERTINDAK SEBAGAI DAYA PENGGERAK UNTUK MELANCARKAN INIATIF BAGI KEPENTINGAN BERSAMA.

VAAI KALONE BERKATA MALAYSIA TELAH MEMBANTU SAMOA BARAT DALAM PROGRAM BANTUAN TEKNIKALNYA DAN BERHARAP BANTUAN INI AKAN DITERUSKAN. -- BERNAMA 1954/MK